Prakata

Malaysia melangkah ke tahun 2000 dengan prestasi ekonomi secara keseluruhan yang lebih kukuh. Sungguhpun permintaan luaran yang tinggi telah mengukuhkan pertumbuhan ekonomi, apa yang lebih penting ialah pertumbuhan ini turut didorong oleh permintaan dalam negeri. Dasar-dasar ekonomi makro terus mewujudkan persekitaran yang positif untuk aktiviti ekonomi sektor swasta. Rangsangan fiskal dalam bentuk perbelanjaan yang lebih tinggi dan insentif cukai, berserta dasar kewangan yang akomodatif, telah memberikan dorongan positif terhadap permintaan penggunaan dan pelaburan. Di samping itu, peningkatan tahap pengeluaran perindustrian dan penggunaan kapasiti telah memberi ruang kepada perbelanjaan pelaburan swasta untuk terus meningkat. Sistem kadar pertukaran tetap telah memastikan keadaan pasaran yang stabil, justeru memudahkan ahli perniagaan membuat perancangan dan keputusan pelaburan. Secara keseluruhannya, keyakinan pengguna dan perniagaan bertambah kukuh dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar mencatatkan pertumbuhan yang tinggi sebanyak 8.5%.

Asas-asas ekonomi jelas bertambah baik pada tahun 2000, dengan inflasi dibendung di bawah paras 2%, kedudukan lebihan akaun semasa yang kukuh, keadaan monetari dan kadar pertukaran yang stabil, tabungan yang tinggi serta kedudukan sektor perbankan yang lebih kukuh. Pada tahun 2000, keadaan sistem perbankan juga nyata bertambah baik, sebagaimana yang dicerminkan oleh peningkatan dalam mutu aset, keuntungan dan tahap permodalan. Berian pinjaman oleh sistem perbankan pula meningkat semenjak bulan Februari 2000, manakala jumlah pinjaman tak berbayar stabil pada tahap yang rendah. Keuntungan pula telah meningkat dengan nyata, melebihi paras sebelum krisis. Nisbah modal berwajaran risiko sistem perbankan juga kekal kukuh pada 12.4%.

Progres penstrukturan semula sektor perbankan berjalan lancar pada tahun 2000. Penyatuan sektor perbankan merupakan salah satu strategi teras Bank Negara Malaysia dalam mewujudkan sebuah industri perbankan yang lebih kukuh dan berdaya tahan. Menjelang 31 Disember 2000, kebanyakan bank telah menyelesaikan proses penggabungan mereka. Berikutan itu, sebanyak 94% daripada jumlah aset sektor perbankan domestik telah dirasionalisasi dan disatukan. Kesemua kumpulan perbankan yang digabung, kecuali satu kumpulan perbankan domestik, telah memenuhi syarat keperluan dana modal minimum baru lebih awal daripada yang dijadualkan. Apa yang lebih penting ialah proses penggabungan tersebut tidak melahirkan sebarang kesan buruk terhadap aktiviti berian pinjaman bank. Jumlah pembiayaan sektor swasta melalui sektor perbankan dan sekuriti hutang swasta telah meningkat sebanyak 9% pada tahun 2000.

Di sektor perbankan, keutamaan telah juga ditumpukan ke arah menambah keupayaan, meningkatkan kecekapan dan menggalakkan persaingan. Untuk mencapai matlamat tersebut, bank-bank telah dikehendaki meningkatkan tahap kemahiran pengurusan kredit mereka dan telah dibenarkan untuk melantik syarikat luar untuk menjalankan aktiviti bukan teras mereka serta mengadakan jualan silang produk dalam kumpulan perbankan sendiri. Memandangkan pentingnya untuk mengekalkan serta menarik tenaga mahir ke dalam industri perbankan, bank-bank telah diberi lebih fleksibiliti untuk menawarkan ganjaran kepada para pekerja mereka berdasarkan produktiviti.

Tahun 2000 juga merupakan ulang tahun ke-10 penubuhan Labuan sebagai sebuah Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir (IOFC). Kemajuan yang nyata telah dicapai pada tahun 2000 dengan pertambahan jenis syarikat dan aktiviti yang dijalankan. Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) juga telah menggalakkan perbankan dan kewangan berasaskan prinsip Islam secara lebih aktif bagi menjadikan Labuan sebagai sebuah pusat perbankan Islam dan takaful. Sehubungan dengan ini, penubuhan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa pada tahun 2000 merupakan satu kejayaan dalam perkembangan perbankan Islam global di Malaysia. Pada masa yang sama,

pelancaran Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan untuk penyenaraian dan urus niaga pelbagai jenis produk kewangan dan bukan kewangan akan meningkatkan lagi peranan IOFC Labuan sebagai bursa luar pesisir antarabangsa. Gerbang e-dagang merupakan satu lagi inisiatif yang diambil pada tahun 2000 yang bertujuan menyediakan satu kaedah yang cekap dalam membuka laluan global kepada produk dan perkhidmatan di Labuan. Tambahan lagi, usaha sedang dijalankan untuk memperluaskan skop dan bidang produk serta perkhidmatan IOFC, termasuk insurans dan khidmat sokongan yang lain di samping pembangunan Labuan secara keseluruhan.

Meninjau ke hadapan, tahap dan tempoh kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, prospek ekonomi Jepun dan perkembangan pasaran kewangan antarabangsa, semuanya akan memberi kesan global yang nyata. Memandangkan keadaan dunia yang semakin saling berkait, ekonomi Malaysia pastinya akan terdedah kepada perkembangan luaran tersebut. Apa yang agak membimbangkan adalah kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat terhadap industri barangan elektronik. Walaupun pertumbuhan industri elektronik Malaysia dijangka terjejas akibat perkembangan di Amerika Syarikat, kepelbagaian produk dan pasaran industri elektronik dijangka dapat membantu membendung risiko tersebut. Secara keseluruhannya, dasar penyesuaian yang diamalkan sejak beberapa tahun yang lalu telah menyumbang kepada asas ekonomi yang lebih pelbagai, dan yang lebih berkeupayaan untuk menghadapi kejutan luaran.

Berikutan keadaan tersebut, pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2001 dianggarkan akan menyederhana, namun pada kadar yang masih kukuh iaitu sebanyak 5%. Di samping itu, asas yang kukuh serta rekod kejayaan dasar berhemat yang lalu telah memberikan Malaysia fleksibiliti yang mencukupi untuk melaksanakan dasar-dasar yang dapat mendorong pertumbuhan bagi merangsang permintaan dalam negeri dan menjuruskan pertumbuhan KDNK bagi tahun 2001 hampir kepada 6%. Akaun semasa imbangan pembayaran pula dijangka akan terus mencatat lebihan, manakala kadar inflasi dijangka terus berada di paras yang rendah dan kadar tabungan pula dijangka kekal tinggi. Cabaran dalam pengurusan ekonomi ialah bagi mengekalkan keyakinan dan komitmen sektor swasta. Adalah satu langkah yang tidak berhemat untuk membiarkan jangkaan negatif merebak sehingga ianya menjadi satu kenyataan. Pemantauan yang rapi ke atas perubahan arah aliran akan dibuat bagi membolehkan langkah awal diambil jika arah aliran menunjukkan prospek akan mengalami perubahan yang besar. Keupayaan menggunakan fleksibiliti dasar bagi merangsang permintaan dalam negeri adalah amat penting.

Kelembapan ekonomi Amerika Syarikat telah dijangka seawal bulan Oktober 2000. Justeru itu, rancangan fiskal Kerajaan bagi tahun 2001, yang telah dibentangkan di Parlimen pada bulan Oktober 2000, telah menyediakan peruntukan tambahan dalam perbelanjaan. Defisit fiskal dirancang pada 5.1% daripada KNK. Peningkatan dalam dorongan fiskal dijangka tidak akan menimbulkan risiko memandangkan hutang dan khidmat hutang Kerajaan adalah rendah. Tambahan pula, penstrukturan semula sistem perbankan telah disempurnakan dengan jayanya. Kos penstrukturan semula adalah nyata lebih rendah daripada jangkaan dan proses penggabungan sistem perbankan yang sedang berjalan dijangka tidak akan memberi sebarang kesan terhadap belanjawan tersebut.

Dalam persekitaran sekarang, dasar monetari pada tahun 2001 akan kekal akomodatif bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Sungguhpun terdapat jangkaan kenaikan dalam harga pada tempoh-tempoh seterusnya pada tahun ini, sebarang kenaikan dalam kadar inflasi dijangka akan dapat dibendung. Ini memandangkan paras harga bermula daripada asas yang rendah dan terdapat lebihan kapasiti di beberapa sektor, di samping peningkatan kapasiti di sektor yang penggunaan kapasitinya adalah tinggi. Kenaikan harga di negara perindustrian juga secara relatifnya dijangka kekal rendah, walaupun terdapat kenaikan harga minyak. Oleh itu, kadar inflasi pada tahun 2001 dijangka dapat dibendung pada kadar 2% atau kurang. Justeru itu, wujud fleksibiliti dasar bagi menggalakkan permintaan dalam negeri, bagi mencapai pertumbuhan ekonomi pada kadar yang lebih selaras dengan potensi keluaran.

Strategi dasar yang diterimapakai sejak sedekad yang lalu telah mengembang dan mempertingkatkan asas industri serta menaikkan taraf sektor perkhidmatan sebagai penjana pertumbuhan ekonomi kedua terpenting. Infrastruktur fizikal dan perkhidmatan sokongan telah mencatat pertumbuhan pesat dan kini lebih moden. Dalam melangkah ke hadapan, strategi ekonomi, bagaimanapun tidak akan hanya ditumpukan kepada pengurusan infrastruktur fizikal. Dalam persekitaran global yang baru, sememangnya disedari bahawa bentuk persaingan telah berubah. Daya saing tidak lagi bergantung kepada penguasaan faktor pengeluaran tradisional semata-mata, sebaliknya semakin bergantung kepada produktiviti, inovasi dan keupayaan mengeksploitasi ilmu pengetahuan dan kemahiran. Ilmu pengetahuan telah menjadi sumber baru untuk lebih berdaya saing dan pembentukan nilai. Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, ia perlu bersedia menghadapi cabaran di samping mengaut faedah daripada perkembangan ini. Strategi yang diperlukan ialah dengan menggunakan peluang yang terbuka luas hasil daripada persekitaran yang baru bagi membolehkan negara membuat lonjakan kuantum ke arah pembangunan seterusnya.

Masa untuk perubahan ini muncul ketika negara sedang beralih ke fasa baru pembangunan di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8). Kesemua rancangan jangka panjang ini yang akan dilancarkan pada awal tahun 2001, akan menyediakan rangka kerja dasar yang menggariskan strategi untuk fasa pembangunan ekonomi Malaysia selanjutnya. Komponen utama dasar ialah untuk meningkatkan kandungan ilmu pengetahuan dalam ekonomi melalui peningkatan dalam rantaian nilai bagi menjadikan Malaysia sebuah ekonomi yang berasaskan ilmu pengetahuan. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan akan melancarkan satu Pelan Induk pada tahun 2001 yang akan merancangkan peralihan negara ke arah ekonomi berteraskan ilmu pengetahuan, yang akan menggariskan anjakan strategik yang boleh menyumbang ke arah peningkatan dalam ilmu pengetahuan dengan tujuan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran di kesemua sektor ekonomi. Pada masa yang sama, strategi yang diambil juga akan menggalakkan aktiviti yang berteraskan teknologi. Tempoh sepuluh tahun yang akan datang akan menyaksikan peningkatan dalam kemahiran sumber manusia dan pembangunan penyelidikan dan teknologi yang intensif, yang merupakan pra-syarat penting untuk memperkukuhkan daya saing negara di pasaran antarabangsa, dari segi harga dan mutu.

Dalam rangka kerja baru ini, Bank Negara Malaysia telah juga mengambil langkah untuk terus menerajui pembentukan strategi bagi sektor kewangan agar ianya lebih berdaya saing, berinovasi dan berteraskan teknologi. Struktur sistem kewangan perlu berubah bagi menghadapi ekonomi yang lebih mencabar, kompleks dan lebih pelbagai, di samping membangunkan bidang-bidang aktiviti yang baru termasuk aktiviti teknologi dan perkhidmatan. Struktur sistem kewangan yang optimum yang akan memenuhi keperluan khusus Malaysia terkandung dalam Pelan Induk Sektor Kewangan yang telah dilancarkan pada 1 Mac 2001. Pelan tersebut menyediakan rangka asas untuk pembangunan sektor kewangan bagi tempoh sepuluh tahun yang akan datang. Cadangan yang digariskan dalam Pelan Induk tersebut adalah menjurus ke arah pembangunan sistem kewangan tempatan yang berdaya saing dan dinamik serta yang mampu menghadapi cabaran daripada persekitaran baru dan lebih global.

Bagi Malaysia, kelebihannya terletak di sektor ekonomi benar sementara peranan utama yang dimainkan oleh sektor kewangan akan terus mendorong pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Oleh itu, objektif sektor kewangan sesebuah ekonomi baru muncul seperti Malaysia tidak semestinya sama dengan sistem yang bertujuan untuk membangunkan sebuah pusat kewangan antarabangsa, yang tidak tertakluk kepada perkembangan di sektor benar. Meskipun Malaysia terus beriltizam untuk bergerak ke arah ekonomi yang semakin berorientasikan pasaran dan integrasi antarabangsa, pendekatan yang diambil akan mementingkan peningkatan dalam kapasiti tempatan untuk membangunkan satu kumpulan teras institusi tempatan yang berupaya menyokong sektor ekonomi benar dan mewujudkan infrastruktur kewangan tempatan yang diperlukan. Oleh itu, cadangan-cadangan

yang terkandung dalam Pelan ini akan dilaksanakan dalam tiga fasa. Fasa pertama yang dijangka mengambil masa selama tiga tahun, akan tertumpu kepada meningkatkan kapasiti dan keupayaan tempatan. Fasa kedua pula yang akan mengambil masa di antara tiga hingga empat tahun, akan memperkenalkan persekitaran yang lebih berdaya saing. Di fasa ketiga, sektor perbankan harus bergerak ke arah integrasi antarabangsa yang lebih tinggi, dengan kemasukan peserta baru ke dalam pasaran.

Rancangan penggabungan di kalangan institusi kewangan merupakan langkah awal ke arah meningkatkan kapasiti tempatan. Pembentukan institusi yang lebih besar dijangka akan dapat meningkatkan kapasiti dan pada masa yang sama, jalinan yang dijana daripada entiti gabungan tersebut akan membolehkan penyediaan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan. Institusi-institusi yang lebih besar ini akan mempunyai sumber yang lebih untuk dilaburkan dalam teknologi bagi mengambil faedah daripada ekonomi berskala.

Dalam bidang pengawalan, Bank Negara Malaysia akan berusaha menyediakan rangka kerja pengawalan yang lebih fleksibel, yang menggalakkan usaha baru dan inovasi di samping memastikan kehematan dan perlindungan pengguna. Pengawalan akan berdasarkan pasaran berasaskan urus tadbir korporat yang baik, serta amalan pasaran terbaik. Di samping itu, rangka kerja pengawalseliaan akan diperkukuhkan lagi untuk memastikan pemantauan yang berterusan dalam perkembangan pasaran dan penilaian tukar ganti di antara menggalakkan inovasi dan mengekalkan kestabilan. Pendekatan ini akan tertumpu kepada menilai samada sistem pengurusan risiko adalah mencukupi di samping mengawal dan mengenal pasti kelemahan sebelum ianya memberi kesan kepada prestasi kewangan dan kestabilan institusi perbankan. Menjelang suku tahun ketiga tahun 2001, Bank Negara Malaysia akan melaksanakan Biro Kredit Pusat yang lebih komprehensif yang akan menyediakan maklumat kepada institusi kewangan bagi memudahkan penilaian kredit yang komprehensif ke atas risiko yang dibawa oleh pemohon pinjaman.

Dalam suasana prospek ekonomi semasa yang sentiasa berubah, adalah penting untuk memastikan Perniagaan Bersaiz Kecil dan Sederhana (SME) dan sektor pertanian mendapat pembiayaan dengan mudah pada kos yang berpatutan. Sektor-sektor ini mempunyai kepentingan strategik dalam meningkatkan rantaian dalam ekonomi dan dijangka akan menjadi sektor pertumbuhan yang lebih penting. Bank Negara Malaysia juga sedang berusaha untuk meningkatkan kecekapan skim pembiayaan untuk SME yang akan membolehkan mereka membuat pelaburan yang perlu bagi meningkatkan produktiviti dalam operasi mereka yang sedia ada di samping mengeksploitasi bidang-bidang pertumbuhan yang baru. Bagi sektor pertanian pula, Bank Negara Malaysia telah menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan institusi-institusi perbankan bagi menangani isu berhubung sumber kredit untuk membiayai aktiviti dalam sektor tersebut. Di samping itu, Bank Negara Malaysia juga sedang berusaha bersama-sama dengan industri insurans untuk mewujudkan skim perlindungan insurans dan perkhidmatan yang diperlukan oleh sektor pertanian. Sebagai langkah tambahan ke arah meningkatkan peranan institusi kewangan pembangunan (DFI), satu rangka kerja pengawalan baru bagi DFI sedang dirangka. Rangka kerja baru ini bertujuan untuk menyelaras operasi dan pengawalan ke atas DFI di bawah satu badan kawalselia sahaja.

Rancangan juga sedang dirangka untuk meletakkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam serantau memandangkan industri perbankan Islam dan Takaful memainkan peranan yang lebih penting dalam sistem kewangan. Ini akan disokong oleh langkah-langkah untuk membangunkan IOFC Labuan sebagai pusat utama dalam aktiviti berkaitan perbankan dan kewangan Islam sedunia. Bank Negara Malaysia juga telah menubuhkan sebuah jabatan baru iaitu Jabatan Perbankan Islam dan Takaful pada tahun 2000, untuk mempergiatkan lagi usaha-usaha ke arah menggalak dan memajukan perbankan Islam dan perniagaan Takaful di Malaysia.

Pasaran modal juga akan berubah untuk menjadi sumber dana utama untuk ekonomi. Pelan Induk Pasaran Modal yang dilancarkan pada 22 Februari 2001 menyediakan rangka kerja pembangunan pasaran modal Malaysia dalam dekad baru ini. Usaha akan diteruskan

ke arah meningkatkan daya saing pasaran modal Malaysia dan menyediakan mekanisme yang efektif untuk menggembleng dana bagi memenuhi keperluan ekonomi yang kian meningkat. Bagi mencapai wawasan ini, beberapa inisiatif telah dicadangkan, bertujuan untuk meningkatkan kecekapan institusi pasaran, menggalakkan perkhidmatan sokongan dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pasaran modal Islam antarabangsa.

Bagi memelihara kekukuhan operasi dan dasarnya, Bank Negara Malaysia juga telah melaksanakan rangka kerja pengurusan risiko untuk mengkaji semula dan mengambil tindakan terhadap risiko dalam proses kerjanya secara berterusan, bagi membentuk dasar yang kukuh dan memastikan operasi yang selamat dan cekap. Sebagai sebahagian daripada proses ini, Bank Negara Malaysia telah berusaha bersungguh-sungguh dengan menambah sumber dan meningkatkan infrastruktur untuk pengurusan risiko yang berkaitan dengan persekitaran di dalam dan luar negara yang rasmi dan berintegrasi. Pada awal tahun 2000, Bank Negara Malaysia telah memulakan aktiviti yang tersusun untuk bertukar kepada organisasi yang berasaskan ilmu pengetahuan bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan prestasinya. Infrastruktur teknologi dan organisasi telah disediakan untuk membantu proses ini, terutamanya untuk memastikan hubung-kait masa benar di dalam dan luar organisasi dan menerap struktur organisasi dan amalan yang bersesuaian untuk mencapai tujuan ini.

Tahun 2001 akan menjadi tanda aras penting dalam kemajuan pembangunan ekonomi Malaysia. Asas yang kukuh telahpun disediakan bagi membolehkan ekonomi terus maju ke hadapan untuk menghadapi cabaran dalam persekitaran yang baru. Ini, berserta pelbagai Pelan yang menggariskan strategi-strategi untuk dekad yang akan datang, akan menyediakan peluang yang luas untuk pembentukan kekayaan dalam bidang tradisional dan bidang pertumbuhan baru. Sektor swasta boleh menyumbang kepada kejayaan ini dengan mengambil tindakan positif terhadap inisiatif-inisiatif ini.



28 Mac 2001

Zeti Akhtar Aziz
Gabenor